



NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH



WAKTU SOLAT MALAYSIA

Kuala Lumpur



12:31 PM

3 Mei 2021, Isnin
21 Ramadhan, 1442

*Selamat Berbuka Puasa
dengan Coffee Brown*



Imsak
05:43 AM

Subuh
05:53 AM



Zohor
13:13 PM

Asar
16:32 PM

Maghrib
19:20 PM

Isyak
20:32 PM

Malaysia-Singapura wujud prosedur lawatan kecemasan

Mei 2, 2021 @ 5:58pm



Hishammuddin berbincang bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong (kanan) ketika mengadakan lawatan rasmi ke Singapura hari ini. FOTO BERNAMA

SINGAPURA: Malaysia dan Singapura bersetuju mewujudkan peraturan Keperluan Prosedur dan Kemasukan bagi Lawatan Kecemasan berkaitan Kematian dan Penyakit Kritikal (DCEV) untuk kedua-dua negara, dengan pelaksanaan peraturan rentas sempadan yang ketat.

Menurut kenyataan bersama Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan rakan sejawatnya dari Singapura Dr Vivian Balakrishnan, peraturan itu akan dilaksanakan bermula dari 17 Mei.

Menurut kenyataan itu, persetujuan berkenaan menyediakan kerangka kerja bagi membolehkan perjalanan rentas sempadan antara kedua-dua negara atas sebab-sebab ihsan dan kecemasan.

Perincian mengenai keperluan prosedur dan kemasukan akan dikeluarkan pihak berkuasa negara masing-masing iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan Singapura (ICA), menurutnya.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 4m  **Hodak mahu sekurang-kurangnya 2 pemain baharu**
- 5m  **Jabatan Agama Islam Melaka laksanakan SOP baharu aktiviti masjid**
- 9m  **Rosman yakin Azizuhassni mampu raih emas di Tokyo**
- 10m  **'Malaikat di kiri dan kanan mencatat segala perbuatan'**
- 24m  **Jurubank terkaya India gesa kerajaan sekat aktiviti ekonomi**
- 30m  **Rindu laungan kejut sahur**
- 35m  **City guna 'cara berpasukan' lawan bintang PSG**
- 50m  **Kastam tahan wanita bawa bagasi dadah 18.2 kilogram**

WAKSIN




ASIA 6 jam yang lepas

Jemaah umrah wajib ada insurans COVID-19



ASIA 7 jam yang lepas

Arab Saudi buka sempadan 17 Mei



NASIONAL Mei 2, 2021 @ 3:21pm

Suntikan AstraZeneca: Sambutan memberangsangkan, sistem permohonan sesak



NASIONAL Mei 2, 2021 @ 1:43pm

Suntikan AstraZeneca: 100,000 permohonan dalam tempoh kurang 90 minit



AMERIKA Mei 2, 2021 @ 12:41pm

Permintaan vaksinasi COVID-19 di AS berkurangan



NASIONAL Mei 2 2021 @ 12:32pm

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Rentas sempadan Malaysia-Singapura, paling awal 17 Ogos](#)
- [Lawatan Dr Balakrishnan rintis jalan rentas sempadan](#)
- [Jepun, Singapura buka semula perjalanan rentas sempadan](#)
- [Sempadan Malaysia-Singapura dibuka secara berperingkat](#)

Hishammuddin kini berada di sini untuk lawatan rasmi dua hari bermula semalam, atas undangan Balakrishnan, di samping sebagai membalas lawatan kerja Balakrishnan ke Malaysia baru-baru ini, dan ia lawatan rasmi Hishammuddin pertama ke Singapura sebagai Menteri Luar.

Menurut kenyataan itu, walaupun berhadapan cabaran menghadapi pandemik COVID-19, kedua-dua menteri berpuas hati dengan hubungan dua hala dan kerjasama kekal kukuh dan mantap, sebagaimana dibuktikan menerusi pergerakan barang dagangan tidak terjejas antara kedua-dua negara.

Menurutnya, kedua-dua menteri mengadakan perbincangan konstruktif berhubung peningkatan kerjasama di ketika pandemik dan kedua-duanya bersetuju ke arah usaha mengembalikan perjalanan rentas sempadan secara beransur dan selamat.

Mereka juga menyambut baik persetujuan dicapai Singapore Smart Nation and Digital Government Office dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia berhubung verifikasi teknikal bersama sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh Singapura dan Malaysia.

Mereka bersetuju kedua-dua negara akan meneruskan pelaksanaan program vaksinasi negara masing-masing untuk memvaksin penduduk jangka panjang, termasuk rakyat Malaysia yang menetap di Singapura dan rakyat Singapura yang menetap di Malaysia.

Kenyataan itu juga berkata kedua-dua menteri bersetuju untuk meneruskan perbincangan mengenai langkah-langkah pembukaan semula sempadan, yang akan dilaksanakan mengikut situasi COVID-19 di kedua-dua negara, dan keselamatan serta kesihatan penduduk.

Kedua-dua menteri juga menyambut baik saling perjumpaan, susulan lawatan Balakrishnan ke Kuala Lumpur pada bulan Mac 2021, dan lawatan semasa Hishammuddin ke Singapura.

Mereka juga bersetuju dengan kepentingan untuk menyambung semula Pemukiman Pemimpin Singapura-Malaysia ke-10 di Singapura tahun ini, sebaik saja keadaan pandemik beransur pulih.

Susulan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin ASEAN di Jakarta pada 24 April lalu, kenyataan itu berkata, kedua-dua menteri turut berbincang mengenai perkembangan di Myanmar.

Mereka bersetuju betapa penting bagi ASEAN dan negara anggota untuk terus memainkan peranan yang positif dan konstruktif dalam membantu mencari penyelesaian yang aman dan berpanjangan demi kepentingan rakyat Myanmar dengan membuat susulan kepada Kenyataan Pengerusi dan "Persetujuan Lima Perkara", menurut kenyataan itu. - BERNAMA



Kelantan tidak bercadang beli vaksin - MB

TRENDING



ASIA 24 minit yang lepas

Jurubank terkaya India gesa kerajaan sekat aktiviti ekonomi



KES sejam yang lepas

Kastam tahan wanita bawa bagasi dadah 18.2 kilogram

KES 2 jam yang lepas



30 penunggang motosikal berlanggar sesama sendiri



SELEBRITI 5 jam yang lepas


Neelofa, PU Riz 'panas' lagi



ASEAN Mei 2, 2021 @ 4:32pm

Pekerja makmal didakwa guna semula calitan ujian COVID-19

MYRESIPI



INFOMASI Apr 30, 2021 @ 1:56pm

Jom Masak Singgang Daging Ala Thai, Rasa Masam Manis Memang Padu Lah!



INFOMASI Apr 30, 2021 @ 1:48pm

Jom Cuba Lemang Cawan Kukus Sangat Mudah, Tak Perlu Susah-Susah Nak Bakar!



INFOMASI Apr 28, 2021 @ 5:58pm

Bingka Ubi Kayu Lembut & Berlemak, Hanya Menggunakan Air Fryer Sahaja!



INFOMASI Apr 28, 2021 @ 5:56pm

Biskut Florentine Rangup & Confirm Sedap, Sesuai Untuk Hidangan Di Aidilfitri



INFOMASI Apr 27, 2021 @ 1:41pm

Jom Cuba Resepi Turun Temurun Biskut Buah Pinggang, Sangat Mudah & Sedap!

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Mac 23, 2021 @ 6:13pm
**Malaysia, Singapura saling
perakui sijil vaksinasi**



NASIONAL Jul 15, 2020 @ 2:38pm
**PCA dihadkan hanya 2,000 orang
sehari**



NASIONAL Okt 30, 2015 @ 6:33pm
**Malaysia-Singapura pentingkan
kerjasama perangi jenayah rentas
sempadan**



NASIONAL Jul 14, 2020 @ 11:46am
**Malaysia, Singapura setuju
laksana RGL dan PCA**

Disyorkan untuk anda

Recommended by



00:15

- Motion For Life.

Michelin Malaysia
- NUS student expelled after allegedly filming...

Straits Times
- Dubai Villa Prices Fall to Lowest Point in a Decade

Mansion Global
- Hair transplant prices in Putrajaya might...

Hair Transplant | Spon...

- Real Estate Prices in Miami Might Surprise You

Real Estate | Search Ads
- China calls for halt to mandatory Covid-19...

Straits Times
- How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%

Electricity Saver
- Wajah Pembaharuan

BH ONLINE

Learn More

IKUTI KAMI DI:



- BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/813030/malaysia-singapura-wujud-prosedur-lawatan-kecemasan

3/4

[Politik](#)
[Pendidikan](#)
[Wilayah](#)

[RENCANA](#)
[WANITA](#)
[HUJUNG MINGGU](#)

[LANGGAN](#)
[Akhbar Digital](#)
[Akhbar BH](#)

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
[Redaksi](#) [Disclaimer](#) [Notis Perlindungan Data Peribadi](#)